

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR**



JANGAN DIBUKA IKATAN..JANGAN DIBUKA IKATAN..JANGAN DIBUKA IKATAN..JANGAN DIBUKA IKATAN

DOKUMEN SEBUTHARGA

Projek :

CADANGAN KERJA MENAIK TARAF PROJEKTOR (FULL HD) DAN SKRIN DI AUDITORIUM, BANQUET DAN BALLROOM DI DEWAN JUBLI PERAK.

NO SEBUTHARGA: UPB/SUK/08/17

Kontraktor :
(Cop kontraktor)

HARGA DOKUMEN	RM 20.00
TARIKH TUTUP	21 APRIL 2017 (12 Tgh)
TARIKH LAWATAN TAPAK	-

UNIT PENGURUSAN BANGUNAN

TINGKAT TERBAWAH
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40503 SHAH ALAM SELANGOR.
upb@selangor.gov.my

SENARAI KANDUNGAN

1. Arahan kepada kontraktor
2. Spesifikasi kerja
3. Borang tawaran
4. Ringkasan tawaran
5. Maklumat kontraktor **(perlu diisi dengan lengkap)**
6. Senarai kerja yang sedang dilaksanakan
7. Senarai kerja yang telah dilaksanakan
8. Senarai peralatan yang dimiliki
9. Maklumat berkaitan dengan projek
10. Pelan susunatur pejabat dan perabot
11. Senarai semak dokumen

1. ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR

1.1 Kelayakan Kontraktor

Kontraktor yang masih sah berdaftar seperti berikut :

Kementerian Kewangan

010302 - Peralatan Sistem Bunyi, Pembesar Suara dan Projektor

Atau

221304 - Audio Visual

* Kontraktor mestilah mempunyai kod bidang di dalam skop kerja yang terlibat. Kontraktor yang tidak mempunyai kepala atau kod bidang tersebut, dokumen sebutarganya akan ditolak.

1.2 Borang Tawaran Kepada Kontraktor

Kontraktor dikehendaki mengemukakan Dokumen Sebutarga dalam Sampul Surat bermetri (Sealed Envelope). Sudut kiri sampul surat hendaklah dicatit “**CADANGAN KERJA MENAIK TARAF PROJEKTOR (FULL HD) DAN SKRIN DI AUDITORIUM, BANQUET DAN BALLROOM DI DEWAN JUBLI PERAK.**” dan dikembalikan ke dalam peti sebutarga di :-

**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 18
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan**

Selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari pada **21 April 2017 (Jumaat)**

Kontraktor dimestikan mengisi dengan sempurna borang-borang maklumat yang terdapat di dalam Sebutarga ini dan tidak dibenarkan untuk menceraikan borang-borang tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran ditolak.

1.3 Dokumen Sebutharga

- a) Dokumen sebutharga akan menjadi sebahagian daripada kontrak dan tiada pindaan akan dibuat pada mana-mana bahagian di dalam dokumen sebutharga ini melainkan mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa.
- b) Harga-harga dalam sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurna.
- c) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan atau perubahan harga akibat daripada perubahan kos di dalam pasaran semasa.

1.4 Tawaran Dan Penolakan Sebutharga

Ibu pejabat Kerajaan Negeri Selangor tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dan tiada sebab akan di beri diatas penolakan mana-mana sebutharga tersebut.

1.5 Pemeriksaan Tempat Kerja

Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti keadaan tempat kerja, persekitarannya, bentuk dan jenis keadaan, takat dan jenis kerja, bahan dan peralatan yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara laluan masuk/ keluar ketempat kerja dan hendaklah mendapat sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, hal luar jangka dan segala hal keadaan yang boleh mempengaruhi dan menjejaskan sebutharga. Sebarang tuntutan yang timbul akibat dari kegagalan kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

1.6 Memulakan Kerja

Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh tawaran dipersetujui di tempat mula kerja seperti yang dinyatakan di dalam Surat Setuju Terima tanpa apa-apa sebab yang munasabah, Pegawai Penguasa berhak membatalkan kontrak/kerja tersebut.

1.7 **Perubahan Kerja**

- a) Pegawai Penguasa boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis.
- b) Semua perubahan kerja atau kerja tambahan yang dikehendaki oleh Pegawai Penguasa akan diukur dan dinilai mengikut kadar harga yang bersesuaian dan dipersetujui antara Pegawai Penguasa dan kontraktor.

1.8 **Pematuhan Kepada Arahan Keselamatan Dan Peraturan**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala syarat-syarat berkaitan dengan keselamatan di tapak kerja semasa menjalankan kerja dan lain-lain peraturan di mana kerja sedang dilaksanakan.

1.9 **Peraturan Membayar Selepas Siap**

Bayaran penuh hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja-kerja dengan sempurna dan disahkan oleh Pegawai Penguasa.

1.10 **Penamatan Kontrak**

Pegawai Penguasa berhak pada bila-bila masa menamatkan kontrak ini dengan memberi notis kepada kontraktor. Kontraktor juga boleh berbuat demikian dengan cara bertulis sebelum ingin menamatkan kontrak.

1.11 **Pemotongan Harga**

Potongan harga akan dibuat berdasarkan ringkasan harga tawaran sekiranya,

- a) prestasi kerja yang dijalankan tidak memuaskan Pegawai Penguasa atau wakilnya.
- b) kerja tidak disempurnakan sepenuhnya
- c) tidak mematuhi perkara-perkara di dalam jadual harga dan skop kerja yang terlibat

1.12 Tapak Kerja

Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz

1.13 Waktu Bertugas

Isnin hingga Jumaat	-	8.00 pagi hingga 5.00 petang
Di luar waktu pejabat	-	Pihak kontraktor/ syarikat mestilah mendapat kebenaran daripada Pegawai Penguasa

1.14 Maklumat Latar Belakang, Kewangan Dan Prestasi Kontraktor

- a) Kontraktor hendaklah mengambil maklum bahawa sebutharga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kontraktor untuk melaksanakan perkhidmatan, disamping kemunasabahan harga. Justeru itu keupayaan kontraktor akan dinilai semasa penilaian sebutharga. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, tenaga kerja dan prestasi kerja semasa kontraktor.
- b) Untuk membolehkan penilaian dibuat, kontraktor dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan bersama-sama dokumen sebutharganya. Dokumen-dokumen ini sangatlah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat keatas kontraktor. Sekiranya kontraktor tidak atau gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan, dokumen sebutharganya akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
- c) Sekiranya kontraktor gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen yang berkaitan, maklumat dan data-data yang tidak dapat disemak kerana ketiadaan atau ketidakcukupan dokumen tersebut penilaian keupayaan kontraktor dianggap tiada.
- d) Semua borang-borang maklumat hendaklah diisi dengan maklumat yang benar dan data-data yang tepat.
- e) Semua maklumat dan dokumen yang berkaitan hendaklah dikemukakan oleh kontraktor bersama-sama dokumen sebutharga sebelum tarikh tutup sebutharga dan kontraktor tidak dibenarkan mengemukakannya selepas itu. Sebarang maklumat atau mana-mana dokumen yang diterima selepas sebutharga ditutup, tidak akan diambil kira dalam penilaian keupayaan kontraktor.

- f) Sekiranya kontraktor didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (withold) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, dokumen sebut-harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

1.15 **Pematuhan Kepada Undang-Undang Dan Peraturan Kerajaan**

Kontraktor adalah dikehendaki mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan dan yang berkuatkuasa semasa pelaksanaan kerja/ perkhidmatan. Kegagalan didalam mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang tersebut sehingga dikenakan tindakan undang-undang, denda atau seumpamanya adalah dibawah tanggungjawab kontraktor sendiri.

2. SPESIFIKASI KERJA

Seperti di dalam Borang Tawaran.

3. BORANG TAWARAN

Seperti di muka surat 9, 10, 11, 12 dan 13 Dokumen Sebutharga

**CADANGAN KERJA MENAIK TARAF PROJEKTOR (FULL HD) DAN SKRIN DI
AUDITORIUM, BANQUET DAN BALLROOM DI DEWAN JUBLI PERAK.**

BIL	PERKARA	Model	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH	
					RM	SEN
A	KERJA PERMULAAN Menyediakan Insurans kerosakan harta benda awam, insurans kerja, perlindungan pekerja, dan lain-lain perkara berkaitan.		HB			
	KERJA KEMASAN, MEMBUKA DAN MENGALIH i) Membuka, memindah dan mengalih barangan sedia ada dan peralatan yang perlu bagi melaksanakan kerja pengubahsuaian.		HB			
	ii) Kerja kemas semula, membersihkan dan membuang kesemua peralatan dan bahan buangan dari tapak ke tempat dibenarkan.		HB			
B	AUDITORIUM DEWAN JUBLI PERAK					
	i) Membekal dan memasang Projektor Full HD (Utama) dilengkapi dengan <i>motorised zoom lens</i> sehingga sempurna dengan spesifikasi minima seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> • Kecerahan : 10,000 lumens • Resolusi : WUXGA (1920 x 1200) 	Epson EB-Z1000 U	1 unit			
	ii) Membekal dan memasang Projektor (kiri dan kanan) Full HD dilengkapi dengan <i>motorised zoom lens</i> sehingga sempurna dengan spesifikasi minima seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> • Kecerahan : 8,500 lumens • Resolusi : WUXGA (1920 x 1200) 	Epson EB-Z9870 U	2 unit			
	iii) Membekal dan memasang <i>seamless matrix switcher</i> HDMI (FullHD)12X4 dilengkapi dengan rak berkunci (wall mounted 6u/9u rack) sehingga sempurna dengan spesifikasi minima seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • 4 X HDMI Inputs, 4 x VGA Input, 4x Video Input. • 3 x HDMI outputs (Projektor Utama, Kiri dan Kanan) • HDMI Splitter 		1 unit			
	iv) Membekal dan memasang skrin projektor (<i>motorised</i>) 12ft x 9ft untuk projektor bahagian kiri dan kanan dilengkapi switch sehingga sempurna.		2 unit			
	v) Pendawaian mata kuasa menggunakan kabel 2 x 2.5mm i/d kabel pelindung dalam conduit paip GI heavy duty high impact soket alur keluar berkembar sehingga sempurna.		7 lot			
	vi) Kerja pemasangan/ pendawaian kabel jenis HDMI 2.0 <i>hi fidelity</i> dan <i>power supply</i> bagi projektor sehingga sempurna.		HB			
Jumlah Kecil A						

BIL	PERKARA	Model	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH	
					RM	SEN
	vii) Pemasangan <i>bracket</i> dan <i>trunking</i> bagi projektor dan skrin serta peralatan lain yang berkaitan sehingga sempurna.		HB			
	vii) Kerja pemasangan kabel <i>interconnect</i> HDMI input sepanjang 10 meter a) 1 x VGA b) 1 x HDMI		1 unit 1 unit			
	viii) Kerja menguji dan mentauliah peralatan keseluruhan sehingga sempurna.		HB			
C	BANQUET DEWAN JUBLI PERAK					
	i) Membekal dan memasang Projektor Full HD (kiri dan kanan) dilengkapi dengan <i>motorised zoom lens</i> sehingga sempurna dengan spesifikasi minima seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> • Kecerahan : 8,500 lumens • Resolusi : WUXGA (1920 x 1200) 	Epson EB- Z9870U	2 unit			
	ii) Membekal seamless matrix switcher HDMI (FullHD) 12X4 dilengkapi dengan rak berkunci (wall mounted 6u rack) sehingga sempurna dengan spesifikasi minima seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • 4 X HDMI Inputs, 4 x VGA Input, 4x Video Input. • 5x HDMI outputs (semua projektor) • HDMI Splitter 		1 unit			
	iii) Kerja membekal dan memasang skrin projektor (motorised) 12ft x 9ft (hujung dewan bawah balkoni) dilengkapi dengan switch sehingga sempurna.		1 unit			
	iv) Pendawaian mata kuasa menggunakan kabel 2 x 2.5mm i/d kabel pelindung dalam conduit paip GI <i>heavy duty high impact</i> soket alur keluar berkembar sehingga sempurna		4 lot			
	v) Kerja pemasangan kabel jenis <i>hi fidelity</i> HDMI 2.0 beserta <i>power supply</i> bagi semua projektor sehingga sempurna seperti dikehendaki pegawai penguasa.		HB			
	vi) Kerja pemasangan kabel <i>interconnect</i> HDMI inputs sepanjang 10 meter. a) 1 x VGA b) 1 x HDMI		1 unit 1 unit			
	vii) Pemasangan bracket, trunking/ piping bagi projektor dan skrin serta peralatan lain yang berkaitan seperti dikehendaki Pegawai Penguasa sehingga sempurna.		HB			
Jumlah Kecil B						

BIL	PERKARA	Model	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH	
					RM	SEN
	viii) Kerja membuka dan memasang semula 2 unit skrin projektor lama dari Auditorium Dewan Jubli Perak ke Banquet sehingga sempurna seperti dikehendaki Pegawai Penguasa sehingga sempurna.		HB			
	ix) Kerja membuka dan memasang semula 3 unit projektor lama dari Auditorium Dewan Jubli Perak ke Banquet seperti dikehendaki Pegawai Penguasa sehingga sempurna.		HB			
	x) Pendawaian mata kuasa menggunakan kabel 2 x 2.5mm i/d kabel pelindung dalam konduit paip GI <i>heavy duty high impact</i> soket alur keluar berkembar sehingga sempurna		5 lot			
	xi) Kerja menguji dan mentauliah peralatan keseluruhan.		HB			
D	BALLROOM DEWAN JUBLI PERAK					
	i) Membekal dan memasang Projektor Full HD (kiri dan kanan) dilengkapi dengan <i>motorised zoom lens</i> sehingga sempurna dengan spesifikasi minima seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> ● Kecerahan : 3,000 lumens ● Resolusi : WUXGA (1920 x 1200) square ratio 16 :10 	Epson EB-U32	2 unit			
	ii) Membekal seamless matrix switcher HDMI (FullHD) 12X4 dilengkapi dengan rak berkunci (wall mounted 6u rack) sehingga sempurna dengan spesifikasi minima seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ● 4X HDMI Inputs, 4 x VGA, 4x Video Input. ● 5x HDMI Outputs (Projektor dan TV) bagi tayangan gambar yang sama ● HDMI Splitter. 		1 unit			
	iii) Kerja pemasangan kabel jenis Hifidelity HDMI 2.0, <i>power supply</i> untuk projektor sehingga sempurna seperti dikehendaki pegawai penguasa.		HB			
	iv) Kerja membekal dan memasang skrin projektor (motorised) 10ft x 8ft dilengkapi dengan switch sehingga sempurna.		2 unit			
	v) Membekal dan memasang 60' LED TV c/w heavy duty wall mount and bracket sehingga sempurna.	Sharp/ Panasonic /Sony	1 unit			
Jumlah Kecil C					- 11 -	

BIL	PERKARA	Model	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH		
					RM	SEN	
	vi) Membekal dan memasang 50' LED TV c/w heavy duty wall mount and bracket sehingga sempurna. vii) Kerja pemasangan kabel jenis Hifidelity HDMI 2.0, Power Supply untuk TV sehingga sempurna seperti dikehendaki pegawai penguasa. viii) Kerja pemasangan kabel <i>interconnect</i> HDMI inputs sepanjang 10 meter . a) 1 x VGA b) 1 x HDMI ix) Mata soket alur keluar l/d suis soket keluar 13 amp berkembar menggunakan kabel PVK 2.5mm ² x) Pemasangan bracket, trunking/ piping bagi projektor dan skrin serta peralatan lain yang berkaitan seperti dikehendaki Pegawai Penguasa sehingga sempurna. xi) Kerja menguji dan mentauliah peralatan keseluruhan ❖ Model-model yang dinyatakan adalah sebagai panduan dan rujukan sahaja. ❖ Pihak kontraktor adalah bebas untuk mengemukakan sebarang jenis model bagi perkara-perkara di atas dan diwajibkan untuk mengemukakan technical specification bagi setiap perkara yang tersebut.	Sharp/ Panasonic /Sony	2 unit HB 1 unit 1 unit 7 lot HB HB				
Jumlah Kecil D							

* jaminan kerja adalah selama **1 (satu) tahun**.

* tempoh melaksanakan kerja dari tarikh diarahkan : _____ **hari/minggu**

* semua peralatan, aksesori yang dipasang hendaklah mengikut spesifikasi dan **piawaian yang ditetapkan oleh JKR**

* Kontraktor perlu menyediakan katalog/ pamflet bagi setiap peralatan sebagai rujukan.

segala urusan yang melibatkan pihak berkuasa seperti kelulusan pemasangan, pemberitahuan dan sebagainya hendaklah **diuruskan sendiri oleh pihak kontraktor** dan segala kos hendaklah dimasukkan ke dalam harga di atas (sekiranya perlu)

* kuantiti di atas adalah anggaran sahaja dan kuantiti sebenar akan dikira dan dibayar daripada jumlah sebenar apabila siap kerja

* kontraktor perlu mengambil kira kerja hendaklah **disiapkan sehingga sempurna** dan sebarang pertambahan harga tidak akan dilayan.

* harga yang dinyatakan hendaklah boleh diterimapakai selama **3 bulan** dari tarikh tutup sebutharga

* kontraktor adalah dikehendaki menyediakan kesemua lukisan 'as built' pelan, skematik dan sebagainya bagi kerja ubahsuai di dalam bentuk 'soft' dan 'hard copy'

* lukisan yang disertakan adalah sebagai panduan sahaja dan keadaan sebenar adalah berpandukan keadaan di tapak

4. RINGKASAN TAWARAN

Berikut adalah tawaran harga pihak saya/ kami bagi kerja yang tersebut di atas

Bil	PERIHAL	HARGA
1.	Jumlah Kecil A	RM
2.	Jumlah Kecil B	RM
3.	Jumlah Kecil C	RM
4	Jumlah kecil D	RM
5.	Latihan dan Pentauliahan	RM
6	Wang Peruntukan Sementara	RM 15,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM

Jumlah Ringgit Malaysia : _____

Bertarikh pada _____hb_____20_____

Tandatangan Kontraktor

Nama penuh : _____

No.K/P : _____

Atas Sifat : _____

Cop Syarikat

Alamat : _____

Tandatangan Saksi

Nama penuh : _____

No.K/P : _____

Pekerjaan : _____

Cop Syarikat

Alamat : _____

5. MAKLUMAT KONTRAKTOR

(Maklumat perlu diisi dengan lengkap. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja)

BORANG B – MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENTENDER

1. Nama :
2. Alamat :
.....
- No. Telefon : No. Fax:
3. Pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan/ atau Kementerian Kewangan (Sertakan Salinan Pendaftaran)
 - (i) No. Pendaftaran :
 - (ii) Tarikh Daftar :
Sah hingga :
 - (iii) Kelas dan Tajuk/ Tajuk Kecil :
.....
 - (iv) Taraf (Bumiputera/ Bukan Bumiputera) :
 - (vi) Jika Bumiputera, tempoh sah taraf : Dari Hingga
4. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. nyatakan :
 - (i) Modal dibenarkan : RM
 - (ii) Modal dibayar : RM
5. Perniagaan Utama lain, jika ada :
 - (a) sejak
 - (b) sejak
6. Ahli-ahli syarikat :
 - (i) Ahli-ahli lembaga pengarah :

NAMA	JAWATAN	SAHAM MODAL DIPEGANG

(i) Ahli-ahli lembaga pengarah (sambungan)

NAMA	JAWATAN	SAHAM MODAL DIPEGANG

(i) Ahli-ahli pengurusan

NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK

6. SENARAI KERJA YANG SEDANG DILAKSANAKAN

(Maklumat perlu diisi dengan lengkap. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja)

Nama Projek	Jabatan/ Agensi/ Perunding yang mengawas projek	Harga Kontrak	Tempoh	Peratusan Kemajuan Semasa

7. SENARAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN

(Maklumat perlu diisi dengan lengkap. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja)

Nama Projek	Jabatan/ Agensi/ Perunding yang mengawas projek	Harga Kontrak	Tempoh	Tarikh Siap Sebenar

8. SENARAI PERALATAN YANG DIMILIKI

(Maklumat perlu diisi dengan lengkap. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja)

BIL	JENIS PERALATAN	JUMLAH

9. MAKLUMAT BERKAITAN DENGAN PROJEK

(Maklumat perlu diisi dengan lengkap. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja)

* maklumat berkaitan dengan projek adalah maklumat-maklumat tambahan yang boleh membantu penilaian atau kelebihan syarikat yang berkaitan dengan projek sahaja, seperti contoh pernah memenangi pertandingan, mempunyai pekerja mahir dan berpengalaman, pengedar tunggal sesuatu barang, mempunyai lesen/ kepakaran khas sesuatu perkara dan sebagainya.

BIL	PERKARA

SURAT AKUAN PEMBIDA

SEBUTHARGA KERJA MENAIK TARAF PROJEKTOR (FULL HD) DAN SKRIN DI AUDITORIUM, BANQUET DAN BALLROOM DI DEWAN JUBLI PERAK.

NO. SEBUTHARGA : UPB/SUK/08/17

Saya,..... nombor K.P yang mewakilinombor Pendaftaran..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam..... atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
 ()
 IC:

Cop Syarikat :

- Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
 ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

LAMPIRAN A2

(Wajib diisi oleh Penender)

SURAT PERWAKILAN KUASA

Unit Pengurusan Bangunan,
Tingkat LG, Bangunan SSAAS
40503 SHAH ALAM.

Tarikh:

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya,
No K/P selaku pemilik syarikat
..... akan menandatangani sendiri semua dokumen
berkaitan dengan urusan perolehan **Kerja Menaik Taraf Projektor (Full Hd) Dan Skrin Di Auditorium, Banquet Dan Ballroom Di Dewan Jubli Perak atau** *mewakulkan kuasa
untuk menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu:

- a) Nama :
- b) Alamat :
-
-
- c) Jawatan :
- d) No. K/P :
- e) No. Telefon :
- f) No. Faks :
-
- g) Alamat Emel :

*Nota : *Butiran 2(a) hingga (g) perlu diisi sekiranya syarikat diwakili oleh individu selain daripada pemilik syarikat.*

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman / rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....
Nama Pemilik Syarikat :
Jawatan :
Cop Syarikat :

14. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

1.1 Merujuk kepada Surat Arahan Perbendaharaan rujukan S/K.Kew/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld 26 SK. 7 (3) bertarikh 28 Februari 2009.

i. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);

ii. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);

iii. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan syarikat atau Petender boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan

iv. Mana-mana syarikat atau Petender yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

15. INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

15.1 Perkara ini adalah merujuk kepada Surat Arahan Perbendaharaan rujukan S/K.Kew/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld 29 SK. 6 (11) bertarikh 16 Disember 2010

i. Kesemua petender yang menghantar dokumen tender hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida (Lampiran D) bahawa petender tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah melampirkan Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran E) menandatangani bagi pihak syarikat sebagai tanda bahawa beliau adalah individu yang diberi kuasa untuk berurusan dengan pihak Kerajaan bagi urusan perolehan/perjanjian bagi perkara ini.

ii. Petender yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak kerajaan juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

Bil	Perkara/ Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	Ringkasan tawaran		
2	Maklumat Kontraktor		
3	Maklumat Am Petender		
4	Data –Data Kewangan - Penyata Kewangan (3 Bulan Terakhir) - Laporan Audit Kewangan (2 Tahun Terakhir)		
5	Senarai Kerja Yang Sedang Dilaksanakan		
6	Senarai Kerja Yang Telah Dilaksanakan		
7	Katalog/ pamplet peralatan		
8	Peralatan Dimiliki		
9	Maklumat Berkaitan Projek		
10	Borang A		
11	Borang B		
12	Maklumat Sub-Kontraktor Elektrik		
13	Surat Akuan Pembida		
14	Surat Perwakilan Kuasa		
<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarikat-syarikat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatan Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	

